



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

Menara LPP
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my



SIARAN MEDIA

PUSAT PENGUMPULAN HASIL PERTANIAN PPK DIJENAMA SEMULA "PELADANG OUTLET"

KLUANG, 8 APRIL 2021 – Menteri Pertanian Dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini merasmikan Majlis Pelancaran Peladang Outlet (PO) di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang.

Program Penjenamaan Peladang Outlet adalah untuk memastikan saluran pemasaran Pertubuhan Peladang (PP) kekal dalam perniagaan seiring dengan kepesatan dan juga revolusi digital 4.0. Oleh itu, ia menjadi keperluan LPP untuk menjenamakan semula saluran pemasaran di bawah satu jenama agar ianya mudah dikenali, dipercayai dan diyakini.

Penggunaan Jenama Peladang Outlet adalah jenama baharu yang akan mewakili seluruh PP agar mampu bersaing dan menjadi peneraju kepada aktiviti pemasaran di PP sekaligus akan dapat menggambarkan fungsi Peladang itu sendiri yang mempunyai pelbagai produk yang dikeluarkan dan dipasarkan dibawah satu jenama.

Pemilihan jenama Peladang Outlet di saluran pemasaran PP adalah bertujuan untuk mewujudkan satu jenama yang mudah diingat dan dapat melahirkan sense of belonging di kalangan pengguna. Pada masa yang sama ia, juga dapat mewujudkan kesedaran kepada pengguna mengenai keberadaan jenama peladang dalam pasaran.

Objektif utama penjenamaan aktiviti pemasaran PP adalah untuk mengekalkan keseragaman aktiviti pemasaran PP melalui satu jenama yang merangkumi pelbagai aspek pemasaran termasuk sistem, kedai/outlet dan produk peladang.

Seterusnya adalah untuk menambah baik keupayaan jenama PP agar kekal relevan, mampu berdaya saing dan setanding dengan jenama-jenama lain yang berada di pasaran seiring dengan keperluan pengguna yang sentiasa berubah-ubah.

Pada masa yang sama, untuk mempromosikan hasil-hasil keluaran PP dan ahli yang dipasarkan di pasaran setempat dengan menggunakan Jenama Peladang. Penggunaan jenama "Peladang Outlet" di semua aktiviti pemasaran di Pertubuhan Peladang adalah sebagai satu nilai tambah yang perlu dilaksanakan. Kekuatan jenama baru yang mewakili seluruh Pertubuhan Peladang (PP) merupakan satu dimensi baru yang perlu diambil bagi memperkukuhkan jenama PP agar mampu bersaing dan menjadi peneraju kepada aktiviti pemasaran di PP.

LAHIR PELADANG PROGRESIF



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO : QMS 01198

Ronald berkata inisiatif seperti Peladang Outlet ini akan memastikan peladang dan petani dapat terlibat dalam keseluruhan rantaian nilai dalam aktiviti agromakanan iaitu pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran. Tambah beliau, ini juga akan mengurangkan peranan orang tengah dalam rantaian agromakanan. Selain itu, beliau turut memaklumkan aspek pemasaran dalam talian (e-commerce) turut diperluas oleh Kementerian yang mampu memberi satu impak yang besar kepada PPK dan peladang-peladang. Dalam hal ini, FAMA, Nekmat dan LPP memainkan peranan proaktif menjalin kerjasama erat dengan penggiat industri selain memperkasakan platform pemasaran sendiri yang merangkumi Agrobazaar Online (ABO), NEKMATBiz, dan e-Ladang.

Inisiatif dilaksanakan termasuk memadankan pengeluar atau pengusaha hasil pertanian di bawah jabatan atau agensi, dengan pengusaha platform e-marketplace sedia ada. Beliau juga memberitahu bahawa, Kementerian sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mengurangkan peranan orang tengah dalam semua subsektor agromakanan. Katanya pelantikan NAFAS sebagai ejen tunggal dalam pengedaran benih padi sah dan Pelaksanaan Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) adalah antara pendekatan Kementerian dalam mengurangkan peranan orang tengah dalam industri benih serta padi dan beras.

Pada majlis hari ini, Menteri MAFI turut menyampaikan 22 buah lori sejuk beku kepada Pertubuhan Peladang seluruh negara melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang melibatkan peruntukan RM3.4 juta dibawah Dana Khas Agromakanan Pertubuhan Peladang (Mobilisasi dan Logistik).

Turut disampaikan peruntukan Projek Pertanian Organik dibawah kendalian LPP Negeri Johor bernilai RM3.2 juta dan peruntukan modal pusingan bagi kumpulan wang pinjaman Pertubuhan Peladang PPK Kluang bernilai RM400,000.

DISEDIAKAN OLEH
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI :
MOHD NORKHAIRIL REDZUAN BIN KHLID
019-369 6843